

**PENGAPLIKASIAN MOTIF BUNGA MAWAR DENGAN
MENGUNAKAN TEKNIK SULAMAN WOVEN WHEEL STITCH
PADA PRODUK TOTE BAG**

NUR SHAHIRAH BINTI ELIAS

UNIVERSITI

MALAYSIA

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

KELANTAN

2021



UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

**PENGAPLIKASIAN MOTIF BUNGA MAWAR DENGAN
MENGUNAKAN TEKNIK SULAMAN WOVEN WHEEL STITCH PADA
PRODUK TOTE BAG**

NUR SHAHIRAH BINTI ELIAS

UNIVERSITI

MALAYSIA

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN

2021

PERAKUAN

Saya mengaku bahawa kerja-kerja dalam laporan ini telah dijalankan dengan peraturan – peraturan Universiti Malaysia Kelantan. Laporan ini adalah asal dan hasil kerja saya sendiri melainkan menunjukkan atau pengakuan kerja sebagai dirujuk bukan akademik bagi apa – apa kelayakan lain.

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju bahawa laporan saya akan dibuat sedia sebagai salinan keras atau tidak dapat dilihat dengan akses terbuka (lihat penuh).

SULIT

Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi.

TERHAD

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi dimana penyelidikan dijalankan.

Saya mengakui bahawa pihak Universiti Malaysia Kelantan berhak seperti berikut :

1. Laporan ini adalah harta Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan bagi tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan mempunyai hak untuk membuat salinan laporan untuk pertukaran antara institusi pengajian.

Disahkan oleh :

Shahirah

NAMA : NUR SHAHIRAH BINTI ELIAS

NAMA : DR.NORHASLIYANA
HAZLIN BINTI ZAINAL
AMRI

TARIKH : 13 JULAI 2021

TARIKH :

Nota * Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Illahi dengan segala limpah kurnianya, saya dapat menyempurnakan laporan Tesis ini dengan penuh jayanya. Selama beberapa bulan, saya telah menjalankan tugas ini bagi melengkapkan kajian yang saya jalankan sepanjang tempoh yang diberikan. Segala kajian yang dijalankan ini saya dikehendaki mengkaji, meneliti dan mempersembahkan hasil kerja dalam bentuk penulisan.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia saya iaitu DR.Norhasliyana Hazlin Binti Zainal Amri, di atas segala teguran, bimbingan dan nasihat yang diberikan sepanjang menyempurnakan tugas ini dengan penuh dedikasi. Beliau banyak membantu pengkaji bagi menyiapkan segala tugas sepanjang pembentukan kajian ini dan memberi dorongan kepada saya untuk terus berusaha dan jangan cepat berputus asa. Walaupun beliau sangat sibuk, namun beliau tetap meluangkan sedikit masa untuk bersama saya dan rakan-rakan yang lain bagi memberi penerangan dan ilmu tentang kajian yang kami jalankan ini.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada ibu dan bapa saya iaitu Puan Khasidah Binti Mat Daud dan Encik Elias Bin Zakaria serta ahli keluarga saya yang lain-lain. Tidak dilupakan juga kepada kawan-kawan yang telah banyak memberi tunjuk ajar secara langsung dan tidak langsung bagi menyiapkan kajian ini agar berjalan lancar. Perkongsian maklumat yang diberikan oleh rakan-rakan amat berguna kepada saya serta telah meringankan beban saya untuk menyiapkan Tesis ini. Akhir sekali, terima kasih sekali lagi kepada semua pihak yang terlibat sepanjang tempoh kajian dan laporan Tesis ini dijalankan. Semoga Allah sahaja yang dapat membalasnya.

ABSTRAK

Projek penyelidikan ini adalah satu kajian berkaitan dengan Pengaplikasian Motif Bunga Mawar dengan menggunakan Teknik Sulaman Woven Wheel Stitch Pada Produk Aksesori. Dalam kajian ini, pengkaji lebih memfokuskan kepada penghasilan rekaan sulaman yang diinspirasi daripada motif flora. Bunga mawar merupakan motif yang dipilih dan dikaji oleh pengkaji dalam penyelidikan yang dijalankan. Sulaman dalam kalangan masyarakat melayu, Indonesia dan negara luar tidak asing lagi. Namun, penghasilan produk aksesori yang mempunyai rekaan sulaman yang bermotifkan bunga mawar kurang diketengahkan. Bunga mawar adalah bunga yang sangat terkenal dengan tanda kasih sayang dan rasa hormat. Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui motif bunga mawar ini sesuai digunakan dalam penghasilan rekaan sulaman pada produk aksesori. Selain itu, mengenalpasti proses penghasilan rekaan motif bunga mawar dengan menggunakan teknik sulaman woven wheel stitch dan menghasilkan produk aksesori totebag. Lokasi yang dijalankan adalah di Jeli, Kelantan. Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk kualitatif yang terdiri daripada sumber primer iaitu pemerhatian dan sumber sekunder iaitu dengan membuat rujukan internet, majalah, jurnal dan buku. Oleh itu, diharap penyelidikan ini boleh dijadikan panduan dan memberi idea kepada pengeluar produk aksesori untuk menghasilkan motif bunga mawar dalam penghasilan rekaan sulaman pada produk aksesori totebag di Kelantan.

Kata kunci: motif, mawar, reka corak, sulaman, aksesori, totebag

ABSTRACT

This research project is a study with the Application of Rose Flower Motif by using Woven Wheel Stitch Embroidery Technique On Accessory Products. In this study, the researcher focused more on the production of embroidery designs inspired by using flora motifs. Roses are the motifs selected and studied by researchers in the research conducted. Embroidery among the Malay community, Indonesia and other countries is no more. However, the production of accessory products that have embroidery designs with contact rose motifs is highlighted. Roses are very famous flowers as a sign of love and respect. The objective of this study is to find out the motif of this rose is suitable for use in the production of embroidery designs on accessory products. In addition, identify the production process of rose motif designs by using sewing wheel weaving techniques and produce totebag accessory products. The location is in Jeli, Kelantan. This study is a qualitative form that consists of primary sources for observation and secondary sources by making internet references, magazines, journals and books. Therefore, it is hoped that this study can be used as a guide and give ideas to accessory product manufacturers to produce rose motifs in the production of embroidery designs on totebag accessory products in Kelantan.

Keywords: motifs, roses, patterns, embroidery, accessories, totebags

SENARAI KANDUNGAN**PERKARA** **HALAMAN****PERAKUAN****PENGHARGAAN****SENARAI KANDUNGAN****BAB 1: PENDAHULUAN**

1.0 PENGENALAN	1-3
1.1 LATAR BELAKANG MASALAH	4
1.2 PERNYATAAN MASALAH	5
1.3 PERSOALAN KAJIAN	
1.4 OBJEKTIF KAJIAN	
1.5 ISTILAH DALAM KAJIAN	6
1.6 SKOP KAJIAN	7
1.7 KEPENTINGAN KAJIAN	7
1.8 RUMUSAN BAB	7-8

BAB 2: KAJIAN LITERATURE**2.0 PENGENALAN****2.1 KAJIAN DEFINISI**

2.1.1 MOTIF BUNGA MAWAR	10
2.1.2 SULAMAN	11
2.1.3 KRAFTANGAN	11
2.2 TEORI PENYELIDIKAN TERDAHULU	12-15

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 3: METODOLOGI**3.0 PENGENALAN**

3.1 REKA BENTUK KAJIAN	16
3.2 KAEDAH KAJIAN	16-17
3.2.1 KAEDAH KAJIAN KUALITATIF	17
3.3 CARTA ALIRAN METODOLOGI	18
3.4 KAEDAH PENGUMPULAN DATA	19
3.5 BATASAN KAJIAN	19
3.5.1 BATASAN OBJEK KAJIAN	19-20
3.5.2 BATASAN LOKASI	20
3.5.3 BATASAN UMUR	20
3.6 DATA	
3.6.1 DATA SEKUNDER	20
3.6.1.1 KAEDAH PERPUSTAKAAN	21
3.6.2 DATA PRIMER	21
3.6.1.2 KAEDAH INSTRUMEN	22
3.7 KESIMPULAN	23

BAB 4 : ANALISIS DATA

4.1 PENDAHULUAN	24
4.2 ANALISIS DESKRIPTIF MAKLUMAT RESPONDEN	25-28
4.3 ANALISIS PEMAHAMAN DAN PERSEPSI RESPONDEN	29-38
4.4 PEMBANGUNAN IDEA	39-49
4.5 PROSES MENYULAM	50-51
4.6 REKAAN YANG DIPILIH DAN SEBENAR	52-54

BAB 5: KESIMPULAN

5.1 PENGENALAN	55
5.2 RUMUSAN KAJIAN	55-57
5.3 PERBINCANGAN PRODUK AKHIR KAJIAN	57-59
5.4 CABARAN	60
5.5 SUMBANGAN KAJIAN	61
5.6 CADANGAN UNTUK KAJIAN LANJUTAN PENYELESAIAN MASALAH	62
5.7 KESIMPULAN	63

BAB 1

1.0 PENDAHULUAN

Pada masa kini, rekaan sulaman memiliki kebebasan dari segi rekaan dan tidak terbatas hasil seninya. Hasil karya sulaman bertujuan untuk mengindahkan atau mencantikkan lagi sesuatu fabrik, pakaian, aksesori dan juga kraftangan. Sulaman menggunakan jarum dan benang serta kepakaran dalam menyulam pada setiap barangan sebagai asasnya. Elemen keindahan dalam bidang seni sulaman dan seni reka merupakan komponen penting bagi memastikan setiap karya atau projek seni sulaman yang dihasilkan berkualiti tinggi. Selain itu, identiti wanita Melayu dikenali sejak sekian lama di alam melayu iaitu di Sarawak, Kelantan dan Selangor. Setiap motif reka corak dan penggunaan motif flora dan fauna pada sulaman yang dihasilkan mencerminkan identiti negeri masing-masing yang tersendiri.

Sulaman juga merupakan satu elemen yang perlu ada pada setiap koleksi pakaian, aksesori dan juga kraftangan sebagai salah satu pelengkap gaya. Selain itu juga, seni sulaman adalah salah satu keunikan dunia yang masing-masing mempunyai sejarah dan perkembangan yang tersendiri. Mengikut Syed Ahmad Jamal (1989), sulaman adalah sejenis perhiasan Melayu tradisi yang dihasilkan pada kain daripada benang-benang berwarna dan adakalanya sulaman ditambah dengan perincian tambahan seperti labuci, manik dan sebagainya. Penghasilan rekaan sulaman yang dihasilkan mengikut kreativiti dan kepakaran penyulam itu sendiri. Dalam menghasilkan

rekaan sulaman ini, kreativiti dan inovasi terkini memainkan peranan penting bagi menarik minat masyarakat terhadap keindahan sulaman ini. Contohnya , sulaman lama yang telah diberikan nafas baru oleh pereka dalam penghasilan sulaman yang terkini mengikut peredaran masa.

Kini, pelbagai jenis rekaan sulaman pada produk aksesori totebag yang telah dihasilkan di pasaran seperti tradisional, moden, santai, kasual dan pelbagai lagi. Produk aksesori seperti beg tangan atau totebag merupakan aksesori wajib yang dipakai oleh golongan wanita pada setiap hari dalam kehidupan seharian sekiranya ingin keluar dari rumah. Di pasaran sekarang terdapat pelbagai jenis jenama bermacam harga dan jenis beg tangan atau totebag bersama rekaan sulaman yang menarik. Kecil, besar, panjang, pendek, petak atau bulat semuanya boleh dipilih mengikut citarasa masyarakat. Hal ini juga bergantung kepada kesesuaian majlis yang dihadiri ia juga mampu menyerlahkan gaya personaliti diri seseorang. Dari beg tangan atau totebag pun, orang juga sudah boleh meneka karakter mengenai diri pemakai. Dalam pada itu, kebanyakan produk beg tangan atau totebag yang dihasilkan akan ditambah dengan perincian atau perhiasan seperti sulaman dan manik supaya kelihatan lebih elegan, eksklusif dan menarik. Di samping itu juga, rekaan sulaman dan juga penggunaan warna benang sulaman pada produk aksesori wanita juga dipelbagaikan bagi memenuhi citarasa pengguna masa kini.

Dalam kajian ini, pengkaji menghasilkan produk aksesori totebag dengan mengaplikasikan teknik sulaman woven wheel stitch. Produk aksesori seperti

totebag merupakan aksesori yang wajib ada bagi golongan wanita lengkap yang dipakai untuk pakaian harian, majlis semi formal dan formal seperti majlis-majlis keramaian dan majlis perkahwinan. Fabrik jenis cotton sering digunakan oleh pengusaha produk aksesori totebag untuk menghasilkan produk totebag ini yang menjadikan pemakai nya kelihatan santai, bergaya dan menarik. Istilah totebag ini digunakan para pereka dan juga pengusaha produk aksesori untuk membolehkan produk mereka dibeli dan dipakai dengan mudah tanpa melakukan pengukuran pada badan serta tanpa perlu pereka melakar design yang baru. Produk aksesori totebag yang siap dipakai juga tidak memerlukan pembeli untuk mencubanya berkali-kali untuk menyesuaikan pada tubuh mereka.

Teknik sulaman woven wheel stitch kebiasaanya digunakan pada penghasilan pakaian, aksesori dan juga kraftangan dan pelbagai lagi. Penghasilan teknik sulaman woven wheel stitch ini memiliki keunikannya yang tersendiri dan memerlukan tahap kesabaran yang tinggi bagi menghasilkan motif yang cantik, elegan dan eksklusif. Idea yang digunakan dalam kajian ini diinspirasi daripada motif bunga mawar.

Oleh yang demikian, kajian yang dibuat bertujuan untuk mengkaji aplikasi motif bunga mawar menggunakan teknik sulaman woven wheel stitch pada produk aksesori totebag. Dalam kajian ini, saya akan menjahit sulaman woven wheel stitch mengikut motif bunga mawar yang menarik, elegan dan eksklusif.

1.1 LATAR BELAKANG MASALAH

Fenomena fesyen totebag kini mempunyai pelbagai jenis rekaan totebag yang terbaru dan mengikut peredaran fesyen masa kini. Kajian ini dibuat ialah untuk menerapkan aplikasi motif bunga dengan menggunakan teknik sulaman pada produk aksesori totebag. Totebag ini semakin mendapat tempat dihati masyarakat dan sehingga ke hari ini mendapat permintaan tinggi di kalangan masyarakat masa kini. Selain itu, kebanyakan orang berkerjaya memilih produk aksesori totebag kerana rekaannya yang simple, eksklusif dan menarik serta memenuhi keperluan pengguna.

Sesuatu yang menarik untuk diperdebatkan dan perlu diberi perhatian adalah lambakan pelbagai rekaan produk aksesori totebag dari China, Vietnam dan Indonesia menguasai fesyen tempatan. Penjualannya berleluasa sejak kebelakangan ini. Bagaimanapun, paling ketara lambakan rekaan totebag yang mempunyai corak kartun, abstrak, plain dan berwarna warni untuk orang dewasa dan kanak-kanak. Hal ini menyebabkan rekaan corak sulaman ditenggelamkan oleh fesyen lain pada masa kini. Berdasarkan pemerhatian, tidak ramai peminat sulaman di negara ini terutama dalam kalangan golongan muda. Mana tidaknya, rekaan sulaman itu lebih yang kontemporari dan harganya juga jauh lebih murah berbanding fesyen pakaian lain.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

- 1) Motif bunga mawar kurang diketengahkan sebagai motif rekaan sulaman. (Pemata Sari, 2017)
- 2) Penggunaan teknik sulaman woven wheel stitch pada beg jarang digunakan. (D Nurmala, 2015)
- 3) Penggayaan beg yang menggunakan teknik sulaman woven wheel stitch jarang digunakan oleh masyarakat. (Era Paraswati, 2015)

1.3 PERSOALAN KAJIAN

- 1) Adakah motif bunga mawar sesuai digunakan dalam penghasilan teknik sulaman woven wheel stitch?
- 2) Mengapakah teknik sulaman woven wheel jarang digunakan?
- 3) Bagaimanakah cara untuk menghasilkan teknik sulaman woven wheel stitch yang bermotifkan bunga mawar pada produk aksesori totebag?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

- 1) Mengenalpasti motif bunga mawar dan teknik sulaman woven wheel stitch yang akan diaplikasikan pada produk aksesori totebag.
- 2) Mengenalpasti mengapa teknik sulaman woven wheel stitch jarang digunakan.
- 3) Menghasilkan teknik sulaman woven wheel stitch yang bermotifkan bunga mawar pada produk aksesori totebag.

1.5 ISTILAH DALAM KAJIAN

1.5.1 Motif

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat ialah sesuatu yang dijadikan dasar atau corak. Motif ini mempunyai pelbagai jenis antaranya seperti motif flora, fauna dan lain-lain. Motif flora merujuk kepada bunga-bunga dan tumbuh-tumbuhan. Manakala motif fauna merujuk kepada haiwan atau mahluk bernyawa.

1.5.2 Tekstil

Menurut Kamus Dewan Pelajar Malaysia, tekstil membawa maksud kepada kain (terutamanya yang ditenun). Manakala menurut Kamus Dewan Edisi Keempat pula, maksud tekstil ialah barang tenun (kain putih, sutera dan lain-lain).

1.5.3 Sulaman

Menurut Kamus Dewan Pelajar Edisi Kedua ialah ukiran atau sulaman berlubang-lubang kecil pada baju sebagai perhiasan. Manakala menurut Kamus Dewan Edisi Keempat ialah irisan seni kain yang dijadikan dasar tekatan.

1.5.4 Aksesori

Aksesori adalah barang yang digunakan untuk dipakai pada badan manusia bagi melengkapkan pengayaan seseorang individu tersebut. Melalui pengayaan aksesori yang dipakai mampu untuk

mengekspresikan lebih jauh identiti dan keperibadian seseorang. Aksesori terdapat dalam pelbagai bentuk, ukuran, warna dan lain-lain. Istilah ini mula digunakan pada abad ke-20.

1.6 SKOP KAJIAN

Kajian ini memfokuskan kepada perkara-perkara tertentu sahaja iaitu penggunaan sulaman bermotifkan bunga mawar yang akan diaplikasikan pada produk aksesori totebag.

Menghasilkan produk aksesori totebag dengan menggunakan teknik sulaman woven wheel stitch yang diinspirasi daripada bunga mawar.

Menggalakkan pemakaian produk aksesori yang bersulam pada golongan muda pada masa akan datang.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini adalah sangat penting kerana ianya dapat memberikan pendedahan dan pengetahuan kepada pelajar dalam bidang akademik serta dapat menambah ilmu pengetahuan dalam pendidikan seni visual berkenaan dengan teknik sulaman. Di samping para pelajar dapat menghasilkan sulaman yang berkualiti tinggi. Kajian ini dapat membuka mata dan minda pelajar supaya menghargai kelebihan yang ada pada seseorang dalam bidang seni sulaman.

Selain itu, kajian ini dapat dijadikan sebagai sumber rujukan dan memberikan gambaran kepada masyarakat untuk mencipta idea baru

dalam menghasilkan teknik sulaman yang menarik, elegan serta eksklusif pada produk aksesori, pakaian dan kraftangan dan seterusnya dapat menaikkan lagi nilai seni kraftangan Melayu dalam penghasilan teknik sulaman.

Pengkaji juga berharap agar produk aksesori, kraftangan dan juga pakaian dengan hasil seni sulaman akan semakin meningkat dari setahun ke setahun dan dapat memberi sumbangan kepada negara. Justeru itu, demi mempertingkatkan lagi pembangunan sikap, kemahiran dan pengetahuan terhadap inovasi idea baru dalam teknik sulaman.

1.8 RUMUSAN BAB

Kesimpulannya, industri kraftangan seni sulaman kini bukan hanya mengenai corak dan teknik semata-mata, namun ianya merupakan industri yang sedang berkembang pesat di seluruh negara. Pelbagai jenis rekaan produk aksesori berserta teknik sulaman yang dihasilkan seiring dengan perkembangan trend terkini. Maka, banyak produk aksesori yang dikeluarkan oleh para pereka dan pengusaha butik produk aksesori ini dapat digunakan untuk menghasilkan pelbagai teknik sulaman pada produk aksesori, pakaian dan kraftangan dengan nafas baru yang bernilai tinggi. Oleh itu, kajian ini diharap dapat memberikan manfaat dan inspirasi baru kepada masyarakat untuk menghasilkan teknik sulaman woven wheel stitch pada produk aksesori terpakai atau produk kraftangan yang lain. Akhirnya, masyarakat perlulah berfikiran kreatif dalam menghasilkan sesuatu produk menggunakan idea inovasi dalam penghasilan produk aksesori, kraftangan dan juga pakaian menggunakan teknik sulaman woven wheel stitch mengikut peredaran trend pada masa kini.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 PENGENALAN

Kajian literatur merupakan ulasan karya-karya daripada beberapa penulis ilmiah atau pengkaji-pengkaji terdahulu yang telah membuat kajian tentang sesuatu perkara. Kajian literatur dilakukan dengan cara mengumpulkan maklumat daripada buku-buku, jurnal-jurnal dan juga kajian-kajian terdahulu untuk membantu pengkaji dalam penyelidikannya yang terbaru. Maklumat tersebut diulas dan diringkaskan sebagai rujukan dan inspirasi kepada kajian baru yang ingin dijalankan. Kajian literatur ini amat memerlukan kemahiran untuk mencari, membaca dan membuat kesimpulan maklumat. Oleh itu, penelitian daripada kajian-kajian lepas sangat penting untuk mendapatkan idea tentang sesuatu perkara dan juga garis panduan kepada pengkaji dalam menyiapkan kajian.

2.1 KAJIAN DEFINISI

2.1.1 BUNGA MAWAR

Bunga Mawar atau ros merupakan sejenis tumbuhan berbunga yang sering di tanam sebagai pokok hiasan. Tumbuhan berbunga mula muncul pada zaman Cretaceous. Pokok berbunga pertama adalah angiosperm. Bunga Mawar adalah salah satu tumbuhan berbunga tumbuhan saka, tergolong dalam kumpulan Angiosperm. Bunga Mawar adalah salah satu jenis pokok bunga yang telah lama dikenali oleh masyarakat Melayu. Ia disebut dalam Hikayat Bayan Budiman yang ditulis sekitar 1370-an. Bunga mawar mempunyai bau

harum, biasanya mawar kampung mempunyai bau yang paling kuat. Dalam kebudayaan barat, dan dalam kebudayaan Melayu, bunga Mawar melambangkan bunga cinta.

2.1.2 SULAMAN

Mengikut Syed Ahmad Jamal (1989), sulaman adalah sejenis perhiasan Melayu tradisi yang dihasilkan pada kain daripada benang-benang berwarna dan adakalanya sulaman ditambah dengan perincian tambahan seperti labuci, manik dan sebagainya. Penghasilan rekaan sulaman yang dihasilkan mengikut kreativiti dan kepakaran penyulam itu sendiri. Dalam menghasilkan rekaan sulaman ini, kreativiti dan inovasi terkini memainkan peranan penting bagi menarik minat masyarakat terhadap keindahan sulaman ini.

2.1.3 KRAF TANGAN

Menurut Ahmad Zaidi dan Mohamad Faizal (2007), kraftangan adalah satu bidang yang dikaitkan dengan aktiviti penghasilan produk dengan menggunakan tangan dan alatan manual. Kebiasaannya ia dihasilkan untuk tujuan perhiasan dan dilakukan untuk mengisi masa lapang atau dilakukan secara kecil-kecilan oleh masyarakat. Hasil kraftangan selalu dikaitkan dengan nilai-nilai estetika yang terdapat di dalamnya. Nilai-nilai ini mencerminkan keindahan budaya dan bangsa masyarakat yang menghasilkannya. Dengan hanya melihat kepada hasil kraftangan sahaja, seseorang itu sudah boleh meneka masyarakat atau bangsa yang memilikinya. Namum begitu, kraftangan sudah menjadi satu industri yang boleh menghasilkan pulangan yang lumayan kepada pengusahanya. Oleh

yang demikian, kraftangan telah berubah daripada bersifat tradisional kepada yang bersifat komersial.

2.2 TEORI PENYELIDIKAN TERDAHULU

Jadual dibawah menunjukkan perbandingan kajian-kajian terdahulu. Dalam kajian terdahulu, pengkaji telah menjumpai 12 kajian terawal yang berkaitan dengan tajuk yang ingin dikaji.

NAMA RUJUKAN	MOTIF BUNGA MAWAR	TEKNIK SULAMAN WOVEN WHEEL STITCH	KRAFTANGAN	TOTEBAG
A. Jamal (1989)	•	X	X	X
Permata Sari (2017)	•	X	X	X
A. Zaidi Dan M. Faizal (2007)	•	X	•	X
Ab.Malik,Tenas.E, Hasan.Y,& Auzar Thaher(2004)	•	X	•	X
S Sarkawi, NA Rahman(2020)	X	X	•	X
D Wood (2000)	•	•	X	X

M Galletta (2013)	•	•	X	X
M Nichols (2012)	•	•	X	X
B Gordon	•	•	X	X
P Earnshaw (1988)	•	•	•	•
P Brown (2003)	•	•	X	X
CCM Thurman (1984)	X	•	X	X

Jadual 2.1: Analisis Kajian Terdahulu

Jadual 2.1 di atas merujuk kepada analisis kajian analisis kajian-kajian terdahulu yang telah dilakukan oleh pengkaji yang berkaitan dengan tajuk kajian. Antara kajian- kajian terdahulu yang telah dianalisis oleh pengkaji adalah daripada Ahmad Jamal (1989) yang mengemukakan tentang sejarah sulaman dan keistimewaan teknik yang digunakan untuk membuat sulaman pada kain. Beliau juga memfokuskan tentang kepelbagaian teknik sulaman yang dihasilkan pada produk aksesori, pakaian serta kraftangan dengan menggunakan teknik sulaman.

Kajian yang ditulis Permata Sari(2017) pula mengisahkan tentang motif dan keunikan bunga mawar. Beliau juga membuat kajian ini bertujuan untuk mengkaji tentang motif dan keunikan bunga mawar untuk mengembangkan lagi maklumat mengenai tumbuhan flora. Selain itu, kajian ini menerangkan

tentang unsur-unsur design, warna dan juga pengeksploasian teknik penciptaan motif pada bunga mawar seterusnya membuat pengolahan teknik menyulam ini menjadi sebuah hasil kraf yang menarik dan eksklusif.

Seterusnya, dalam penulisan Ahmad Zaidi dan Mohamad Faizal (2007) menjelaskan tentang definisi kraftangan dan penggunaan teknik penghasilan kraftangan. Kajian ini juga memfokuskan tentang penciptaan produk kraftangan dari segi material, teknik dan juga motif. Keunikan seni kraftangan terletak pada ciri-ciri yang berlainan bagi teknik serta motif yang digayakan di atas kain. Oleh hal yang demikian, satu-satu kraftangan yang dihasilkan tidak akan sama dengan satu-satu kraftangan yang lain walaupun masing-masing menggunakan teknik, motif dan warna yang sama. Kaedah yang digunakan ini dikenali sebagai proses menghasilkan produk aksesori kraftangan yang diolah atau dicorakkan dengan teknik berkenaan disebut sebagai kain tenunan kraftangan (lazimnya penggunaan kain jenis sutera dan kain kapas). Kraftangan juga bukanlah merujuk kepada sesuatu produk atau motif yang tertentu sahaja. Apa jua corak atau motif yang dihasilkan dengan teknik dan proses membuat kraf wajar digolongkan sebagai kraftangan.

Di samping itu juga, menurut kajian yang ditulis Abdul Malik, Tenas.E, Hasan.Y, dan Auzar.T,(2004) mengisahkan tentang Corak dan Ragi Tenun Melayu Riau. Kajian ini memfokuskan pada corak dan tenunan yang merupakan kekayaan asli Melayu yang sangat kaya akan motif, warna dan makna simbol (Dinantia, 2016). Dalam pada masyarakat Melayu memiliki

beraneka ragam corak serta motif dasar yang sejak ratusan tahun. Bagi orang Melayu motif bukan hanya menjadi hiasan semata-mata, tetapi dijadikan lambang yang mengandung makna dan falsafah tertentu yang mengandung nilai-nilai budaya kebudayaan setempat.

Seterusnya, menurut kajian S.Sarkawi dan NA Rahman(2020), mengisahkan tentang Perbandingan Sulaman Kelingkan Anatolia dan Alam Melayu. Walaupun terdapat perbezaan nama atau gelaran yang diberikan kepada tudung sulam benang kelingkan ini mengikut tempat atau daerah, dalam pada itu, asas rujukannya adalah sama. Walau bagaimana pun, terdapat banyak perbezaan yang jelas dalam aspek aspek penggunaan motif, teknik dan kaedah sulaman yang digunakan oleh pakar penyulam berdasarkan daerah masing-masing.

Dalam pada itu, penulisan daripada Dorothy Wood (2000),Michelle Galletta (2013) , Marion Nichols (2012), P Earnshaw (1988) dan P brown (2003) hanya memfokuskan kepada teknik-teknik sulaman serta sulaam yang menggunakan mesin. Hasil penulisan menunjukkan mengenai pemilihan motif, kesesuaian bahan sulaman yang digunakan serta teknik penghasilan.

BAB 3

METODOLOGI

3.0 PENGENALAN

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, metodologi bermaksud suatu sistem yang menggunakan prinsip dan kaedah dalam sesuatu aktiviti atau kajian. Maksud lain metodologi adalah kaedah, teknik, corak, dan gaya. Metodologi juga bermaksud ilmu tentang metod atau disiplin yang digunakan semasa melakukan kajian tertentu untuk mencapai tujuan tertentu. Dr. Tengku Iskandar, (1996), menyatakan bahawa metodologi kajian dapat diertikan sebagai suatu kegiatan memeriksa dan menyelidik tentang sesuatu perkara dengan lebih terperinci dan teliti.

3.1 REKA BENTUK KAJIAN

Menurut Kamidin Tiwi (2017), reka bentuk kajian merujuk kepada bagaimana cara pengkaji menjalankan kajian, teknik atau perancangan yang digunakan. Melalui reka bentuk kajian ini, gambaran awal dapat dilihat berdasarkan perancangan yang dibuat. Reka bentuk kajian ini juga ditentukan berdasarkan tujuan kajian ini dibuat.

Kajian ini dibuat untuk mengaplikasikan teknik sulaman woven wheel stitch pada totebag sebagai produk utama. Produk aksesori totebag ini kemudiannya akan ditambah dengan perincian teknik sulaman woven wheel stitch. Seterusnya akan dijahit sulaman woven wheel stitch mengikut motif yang diinginkan dan disusun sehingga motif sulaman riben bermotifkan bunga mawar dapat dihasilkan.


Kajian ini akan menggunakan data berbentuk kualitatif sebagai kaedah kajian. Data kualitatif ialah data daripada hasil temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Kaedah ini merupakan cara yang sangat relevan untuk digunakan bersesuaian dengan tajuk kajian yang dikaji bagi mengumpulkan maklumat yang sahih dan benar.

3.2 KAEDAH KAJIAN

3.2.1 KAEDAH KAJIAN KUALITATIF

Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan kaedah kajian yang berbentuk kajian kualitatif. Kajian kualitatif merupakan sebuah kajian yang memerlukan pengkaji mendapatkan pandangan daripada orang awam, mengumpul data dari sumber bertulis seperti buku dan jurnal serta membuat pemerhatian di kawasan yang tertentu. Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan maklumat secara mendalam bagi menyokong analisis kajian ini.

3.3 CARTA ALIRAN METODOLOGI KAJIAN



3.4 KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Pengkaji telah menggunakan dua sumber kajian bagi menyiapkan kajian ini iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer merupakan sumber yang mempunyai data asli dan diperoleh sendiri oleh pengkaji iaitu melalui pemerhatian dan temu bual. Sumber sekunder pula merupakan sumber yang didapati daripada bahan rujukan seperti maklumat daripada internet, buku-buku, jurnal-jurnal, tesis- tesis dan sebagainya

3.5 BATASAN KAJIAN

Batasan kajian merupakan had atau limit sesuatu kajian yang boleh dikaji. Batasan kajian ini perlu dibuat supaya bidang kajian yang ingin dikaji tidak terlalu luas dan hanya berfokus kepada perkara tertentu sahaja. Ia sangat penting untuk membantu pengkaji menentukan hala tuju kajian ini. Kajian ini memfokuskan tentang aplikasi motif bunga mawar dengan menggunakan teknik sulaman woven wheel stitch pada produk aksesori totebag.

3.5.1 BATASAN OBJEK KAJIAN

Kajian ini dibuat adalah untuk mengkaji pengaplikasian motif bunga mawar dengan menggunakan teknik sulaman woven wheel stitch pada produk aksesori totebag sebagai produk utama. Dalam kajian ini, pengkaji telah memfokuskan aplikasi motif bunga mawar yang menggunakan teknik sulaman woven wheel stitch pada produk aksesori . Pengkaji juga ingin mengaplikasikan motif bunga mawar ini menjadi sebuah motif sulaman woven wheel stitch yang unik dan menarik. Oleh itu, teknik sulaman woven

wheel stitch ini akan menampakkan kelainan dan menonjol sehingga dapat meningkatkan permintaan masyarakat di pasaran.

3.5.2 BATASAN LOKASI

Bagi menyiapkan kajian ini, pengkaji telah menetapkan bahawa kajian ini berfokus di Kelantan. Hal ini kerana, kilang kraftangan banyak didapati di Kelantan. Buktinya, terdapat ramai pengusaha-pengusaha kraftangan yang menjual barangan produk aksesori yang telah siap dijahit sulaman yang eksklusif dengan harga yang berpatutan dan berkualiti tinggi. Selain itu, produk akhir yang akan dihasilkan nanti kebanyakannya mendapat permintaan tinggi daripada golongan wanita yang menetap di Kelantan dan juga negeri-negeri luar.

3.5.3 BATASAN UMUR

Dalam kajian ini juga, pengkaji memfokuskan kepada golongan muda serta wanita yang masih belajar dan bekerjaya dalam lingkungan 18 tahun sehingga 50 tahun. Hal ini demikian. Golongan ini biasanya mempunyai pandangan tersendiri mengenai produk aksesori, teknik sulaman serta motif yang digunakan. Melalui kajian ini dapatlah golongan ini membuka mata mereka mengenai teknik sulaman, rekaan sulaman yang dihasilkan serta pemilihan motif-motif yang menarik.

3.6 DATA

3.6.1 DATA SEKUNDER

Sumber sekunder merujuk kepada data yang diperolehi daripada bahan rujukan untuk menyokong maklumat-maklumat kajian. Antara sumber

sekunder yang digunakan oleh pengkaji adalah sumber daripada buku-buku, tesis-tesis, akhbar, artikel, sumber internet dan juga sumber daripada perpustakaan.

3.6.1.1 KAEDAH PERPUSTAKAAN

Pengkaji membuat pengumpulan data dengan membuat rujukan di buku-buku untuk mengetahui motif flora, rekaan sulaman, teknik sulaman dan aksesori. Di samping itu, pengkaji turut mempunyai pengumpulan data melalui jurnal, artikel, dan majalah untuk menyiapkan penyelidikan ini. Segala maklumat direkod dan dicatat untuk digunakan semasa membuat kajian ini.

3.6.2 DATA PRIMER

Menurut Rohana Yusof (2004), sumber primer merupakan sumber pertama iaitu sumber asli yang diperolehi bagi menjawab persoalan kajian. Menurut Syed Ismail (2010) pula, sumber primer adalah sebuah penyelidikan asli dan maklumat asal tentang sesuatu perkara. Sumber primer ini juga merupakan bahan yang masih dalam keadaan asal iaitu bahan yang belum diolah atau dicetak seperti fosil, manuskrip, surat rasmi kerajaan, batu bersurat dan keterangan lisan. Sumber- sumber ini adalah asli dan belum ditafsir oleh mana-mana pihak.

3.6.2.1 KAJIAN INSTRUMEN

Insturmen kajian yang pengkaji akan jalankan ialah terdiri daripada satu set soal selidik yang terbahagi kepada dua bahagian. Antaranya bahagian A yang berkaitan dengan demografi responden-responden. Bahagian ini terdiri daripada peringakt umur, pekerjaan, bangsa dan tahap pendidikan. Manakala bagi bahagian B pula terdapat beberapa soalan objektif yang perlu ditanda di ruangan kosong dan di bahagian C, pengkaji akan disenaraikan beberapa buah soalan yang juga berkaitan dengan tajuk kajian ini untuk dijawab oleh responden-responden.

3.7 KESIMPULAN

Kesimpulannya, penyelidikan ilmiah ini penting dalam membantu manusia untuk mengetahui berkenaan dengan diri, alam sekeliling, masyarakat serta negara. Setiap manusia mempunyai keinginan untuk mengetahui dengan lebih mendalam dan mendorong manusia untuk melakukan penyelidikan bagi menerokai ilmu pengetahuan yang ada dimuka bumi ini untuk membantu mengembangkan ilmu pengetahuan yang sedia ada. Dalam pada itu, kaedah penyelidikan ilmiah merupakan kaedah pengkajian melalui penyelidikan yang teliti dan terhadap semua bukti yang diperolehi berkaitan dengan masalah yang dinyatakan kepada penemuan penyelesaian masalah tersebut. Antara komponen-komponennya ialah teori, masalah, rangka kerja, data dan alat bantuan. Disebabkan oleh faktor-faktor ini diambil kira kepada kebolehan untuk menyelesaikan penyelidikan dengan penemuan kepada penyelesaian masalah yang ditemui. Oleh sebab itu, bagi memudahkan penyelidikan ini dilakukan, maka pengkaji memilih dan menggunakan kaedah kualitatif ini sebagai salah satu jalan alternatif dalam menyelesaikan masalah kajian yang dijalankan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 4

ANALISIS DATA

4.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan membincangkan hasil analisis dan dapatan kajian yang diperolehi daripada soal selidik yang dijalankan kepada responden – responden wanita dan lelaki melalui sosial media iaitu Facebook dan Whatsapp. Soal selidik ini dilakukan berdasarkan

mengenai kajian ‘Pengaplikasian Motif Bunga Mawar Dengan Menggunakan Teknik Sulaman Woven Wheel Stitch Pada Produk Aksesori (Totebag)’. Dalam kajian ini, pengkaji hanya target seramai 20 sehingga 30 orang sahaja responden. Namun demikian, soal selidik ini telah mendapat respon yang positif dan menarik perhatian 54 orang responden telah berjaya menjawab.

Analisis data ini telah dibuat menggunakan perisian soal selidik dan hasilnya ditunjukkan dalam bentuk peratus, frekuensi, carta pai dan dapatan analisis yang menggambarkan hasil kajian yang dilakukan. Hasil dapatan kajian ini juga dikategorikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A, analisis data belakang responden manakala bahagian B, bahagian C pula analisis mengenai soal selidik yang bertujuan untuk menjawab segala persoalan kaian yang seterusnya memenuhi kehendak objektif kajian.

4.2 ANALISIS DESKRIPTIF MAKLUMAT/ LATAR BELAKANG RESPONDEN


Latar belakang responden menerangkan taburan kekerapan dan peratusan setiap responden yang menjawab soal selidik ini. Hal ini berdasarkan bangsa, umur, status, pekerjaan dan taraf pendidikan tertinggi.

4.2.1 Bangsa

Bangsa	Kekerapan	Peratus(%)
Melayu	47	87%
India	4	7.4%
Cina	3	5.6%

Jadual 4.1 Taburan Kekerapan dan Peratus Responden Mengikut Bangsa

Bangsa:-



Carta Pai 4.1 Peratus bagi Bangsa


Berdasarkan jadual dan carta pai di atas, ia menunjukkan hasil peratusan responden mengikut bangsa. Daripada carta pai tersebut, menunjukkan 3 bangsa iaitu Melayu, India dan Cina yang telah menjawab soal selidik ini. Berikut seramai 47 orang dan sebanyak 86% bilangan responden bagi bangsa Melayu manakala sebanyak 7.4% pula mewakili 4 orang bangsa India dan seterusnya sebanyak 5.6% pula mewakili bangsa Cina seramai 3 orang.

4.2.2 Umur

Umur	Kekerapan	Peratus (%)
18 tahun - 25 tahun	46	85.2%
26 tahun - 30 tahun	4	7.4%
31 tahun - 40 tahun	2	3.7%
41 tahun - 50 tahun	2	3.7%

Jadual 4.2 Taburan Kekerapan Dan Peratus Responden Mengikut Umur

Umur:-



Carta pai 4.2: Peratus bagi umur


Berdasarkan jadual dan carta di atas, terdapat empat peringkat umur yang telah disenaraikan bagi setiap responden yang menjawab soal selidik ini. Umur di peringkat pertama adalah 18 hingga 25 tahun yang merupakan kategori umur yang paling ramai menjawab soal selidik ini iaitu 46 orang dan sebanyak 85.2%. Manakala bagi peringkat umur 26 hingga 30 tahun iaitu 4 orang adalah sebanyak 7.4%. Seterusnya, bagi peringkat umur 31 hingga 40 tahun dan 41 tahun hingga 50 tahun adalah sama rata iaitu seramai 2 orang sahaja dan mendapat peratusan sebanyak 3.7%.

4.2.3 Pekerjaan

Pekerjaan	Kekerapan	Peratus (%)
Pelajar	45	83.3%
Bekerja	9	16.7%
Tidak bekerja	-	-

Jadual 4.3 : Taburan Kekerapan dan Peratus Responden Mengikut Pekerjaan

TAHAP PEKERJAAN
54 responses



Carta pai 4.3: Peratus bagi pekerjaan


Jadual carta pai di atas menunjukkan bahawa sektor pekerjaan bagi pihak 54 orang responden yang telah menjawab soal selidik pengkaji ini. Hal ini terdiri daripada kategori pelajar, bekerja dan tidak bekerja. Oleh itu, golongan yang paling ramai menjawab soal selidik ini adalah pelajar iaitu kekerapan seramai 45 orang dan peratusannya sebanyak 83.3%. Manakala bagi kategori bekerja pula adalah seramai 9 orang dan sebanyak 16.7%.

4.2.4 Tahap Pendidikan

Tahap pendidikan	Kekerapan	Peratus (%)
IJAZAH	47	87%
STPM/DIP/KEMAHIRAN	5	9.3%
SPM	1	1.9%
PMR/PT3	1	1.9%

Jadual 4.4 Taburan Kekerapan dan Peratus Responden Mengikut Taraf Pendidikan

TAHAP PENDIDIKAN
54 responses



Carta pai 4.4 Peratus Bagi Tarap Pendidikan

Berikut menunjukkan jadual dan carta pai bagi tahap pendidikan.


Terdapat empat kategori iaitu Ijazah, STPM/Diploma/Kemahiran SPM dan PT3. Seramai 47 orang dan 87% dari Institut Pengajian Tinggi telah menjawab soal selidik berbanding responden daripada pihak STPM/Diploma/Kemahiran yang hanya mendapat rekod sebanyak 9.3% dengan kutipan seramai 5 orang sahaja. Manakala responden di pihak SPM dan PT3 hanya mendapat rekod sebanyak 1.9%.

4.3 ANALISIS PEMAHAMAN DAN PERSEPSI RESPONDEN

Analisis seterusnya ini dibuat adalah untuk mengenalpasti lebih mendalam tentang kefahaman masyarakat dalam mengenal berkenaan dengan aksesori dalam berfesyen. Malah pengkaji juga turut menganalisis motif bunga mawar untuk diaplikasikan ke atas aksesori bagi memberi kelainan kepada orang ramai agar bersesuaian dengan pengayaan aksesori dalam berfesyen. Jadi, di bawah menunjukkan beberapa soalan dan bilangan peratusan serta kekerapan yang telah dijawab oleh semua responden.

1. ADAKAH ANDA TAHU ATAU FAHAM MENGENAI AKSESORI DALAM BERFESYEN?

54 responses




Carta pai 4.5: kekerapan dan peratusan berdasarkan soalan 'adakah anda tahu atau faham mengenai aksesori dalam berfesyen?'

Menurut carta pai 4.5 diatas, pengkaji telah mendapati kebanyakan orang ramai tahu dan faham mengenai aksesori dalam berfesyen. Hal ini demikian, ianya memperolehi kekerapan responden yang paling tinggi iaitu seramai 47 orang dan 87% berbanding dengan 'tidak pasti' seramai 5 orang dan 9.3%. Manakala responden yang memilih jawapan 'tidak' seramai 2 orang bersamaan dengan 3.7%

2. ADAKAH ANDA FIKIR TOTE BAG BOLEH DIPAKAI SEBAGAI AKSESORI FESYEN SEDERHANA DALAM BERGAYA?

54 responses




Carta pai 4.6 : Kekerapan an Peratusan berdasarkan soalan 'adakah anda fikir tote bag boleh dipakai sebagai aksesori fesyen sederhana dalam bergaya?'

Berdasarkan carta pai 4.6, respon terhadap soalan adakah anda fikir totebag boleh dipakai sebagai aksesori fesyen sederhana dalam bergaya menunjukkan responden bersetuju bahawa totebag boleh digayakan dalam fesyen sederhana. Hal ini demikian kerana kutipan yang telah didapati oleh pengkaji dilihat seramai 53 orang bersamaan dengan 98% responden telah bersetuju. Walau bagaimanapun, kutipan bagi yang mengatakan tidak pasti yang totebag ini boleh dipakai sebagai aksesori fesyen sederhana adalah seorang sahaja 1.9%

3. ADAKAH ANDA TAHU MENGENAI TEKNIK-TEKNIK SULAMAN?

54 responses




Carta pai 4.7 Berdasarkan soalan 'adakah anda tahu mengenai teknik-teknik sulaman?'

Berdasarkan carta pai 4.7, hasil kajian yang telah dijalankan mendapati bahawa ramai responden yang tidak mengetahui tentang teknik-teknik sulaman yang digunakan pada produk aksesori adalah seramai 30 orang bersamaan dengan 55.6%. Manakala responden yang mengetahui mengenai teknik-teknik sulaman menunjukkan seramai 16 orang bersamaan dengan 29.6%. Seterusnya responden yang tidak pasti mengenai teknik-teknik sulaman adalah seramai 8 orang bersamaan 14.8%.

4. ADAKAH ANDA FIKIR AKSESORI YANG MEMPUNYAI DETAILING SULAMAN BERPELUANG MELANGKAH JAUH DALAM INDUSTRI FESYEN?

54 responses




Carta pai 4.8 berdasarkan soalan 'adakah anda fikir aksesori yang mempunyai perincian sulaman berpeluang melangkah jauh dalam industri fesyen?'

Mengikut jadual 4.8 dan carta pai 4.8 di atas menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan responden-responden yang telah menjawab soal selidik ini. Hal ini dapat dilihat bahawa ramai responden menjawab 'Ya' dengan pernyataan tentang aksesori yang mempunyai perincian sulaman berpeluang melangkah jauh dalam industri fesyen. Majoriti responden yang menjawab 'Ya' ialah seramai 49 orang dan 90.7%. Manakala terdapat segelintir responden yang menjawab 'Tidak pasti' dengan kekerapan seramai 5 orang iaitu 9.3%.

5.ADAKAH ANDA PERNAH MEMBELI BARANGAN YANG MEMPUNYAI SULAMAN BERMOTIFKAN BUNGA PADA.....

54 responses




Carta pai 4.9 Berdasarkan soalan 'adakah anda pernah membeli barangan yang mempunyai sulaman bermotifkan bunga pada.....

Berdasarkan carta pai 4.9, hasil kajian yang telah dijalankan mendapati bahawa responden pernah membeli barangan yang mempunyai sulaman bermotifkan bunga pada baju adalah seramai 34 orang bersamaan 63%. Manakala responden yang pernah membeli kasut yang mempunyai motif bunga adalah seramai 7 orang bersamaan 13%. Seterusnya responden yang menjawab pernah membeli semua kategori barangan seramai 5 orang bersamaan dengan 9.3%. Dalam pembelian tudung yang mempunyai motif sulaman bunga adalah seramai 3 orang bersamaan dengan 5.6%. Yang terakhir menjawab jawapan 'Ya' adalah sebanyak 4 orang (7.4%) dan yang menjawab 'Tidak' hanya seorang iaitu 1.9%

6. ADAKAH ANDA FIKIR BAHAWA CARA BERGAYA DENGAN MEMAKAI TOTE BAG SEBAGAI PELENGKAP GAYA YANG MINIMALIST?

54 responses




Carta pai 4.10 Berdasarkan soalan 'adakah anda fikir bahawa cara bergaya dengan memakai totebag sebagai pelengkap gaya yang minimalist?'

Berdasarkan carta pai 4.10, respon terhadap soalan adakah anda fikir bahawa cara bergaya dengan memakai toteba sebagai pelengkap gaya yang minimalist menunjukkan responden bersetuju bahawa totebag sebagai pelengkap gaya yang minimalist dalam fesyen sederhana. Hal ini demikian kerana kutipan yang telah didapati oleh pengkaji dilihat seramai 53 orang bersamaan dengan 98.1% responden telah menjawab 'Ya'. Walau bagaimanapun, kutipan bagi yang mengatakan tidak pasti yang totebag ini boleh dipakai sebagai pelengkap gaya aksesori yang minimalist dalam fesyen sederhana adalah seorang sahaja 1.9%

7. REKAAN SULAMAN MANAKAH DI BAWAH AKAN ANDA PAKAI SEBAGAI AKSESORI PELENGKAP GAYA?SILA PILIH 1 REKAAN SULAMAN MENGIKUT CITARASA YANG SESUAI DENGAN ANDA.

54 responses




Carta pai 4.11 Berdasarkan soalan 'rekaan sulaman manakah di bawah akan anda pakai sebagai aksesori pelengkap gaya?sila pilih 1 rekaan sulaman mengikut citarasa yang sesuai dengan anda..

Berdasarkan carta pai 4.11 di atas, ia menunjukkan 5 rekaan produk aksesori totebag yang telah dipilih 3 jenis rekaan oleh 54 orang responden tersebut. Terdapat 3 jenis rekaan sulaman dipilih untuk diaplikasikan motif bunga mawar ke atas produk aksesori tersebut. Antaranya ialah pilihan 1, pilihan 2 dan pilihan 3. Pilihan ini adalah respon daripada responden yang paling tertinggi daripada pilihan yang lain. Oleh itu, pilihan 1 seperti rajah 1 di bawah itu merupakan pilihan yang paling tinggi mendapat undian dengan bilangan seramai 39 orang responden dan 72.2% manakala pilihan kedua tertinggi adalah pilihan 3 di rajah 2 di bawah iaitu seramai 8 orang dan 14.8%. Seterusnya, rekaan yang terakhir adalah rekaan pilihan 2 iaitu seramai 6 orang bersamaan dengan 11.1%

8. APAKAH PERASAAN ANDA APABILA MENGGUNAKAN TOTE BAG SEBAGAI AKSESORI TAMBAHAN PELENGKAP GAYA?


50 responses



Carta pai 4.12 Peratusan berdasarkan soalan 'apakah perasaan anda apabila menggunakan tote bag sebagai aksesori tambahan pelengkap gaya?.'

Merujuk carta pai 4.12 di atas, peratusan telah ditunjukkan ke atas ketiga-tiga pilihan jawaan yang tersenarai. Rajah tersebut menunjukkan keputusan pilihan responden yang memberi respon dan jawapan bagi perasaan mereka apabila menggunakan totebag sebagai aksesori tambahan pelengkap gaya. Jadi, undian yang paling tinggi ialah 'bergaya dan simple' yang mengutip peratus sebanyak 72% dengan bilangan seramai 36 orang manakala yang paling rendah pula ialah 'feminim' iaitu sebanyak 10% dan seramai 5 orang undian. Seterusnya pula, bagi undian terhadap 'pelbagai guna' mengumpul sebanyak 18% dan seramai 9 orang.


9. PADA PENDAPAT ANDA, MOTIF SULAMAN SEPERTI BUNGA MAWAR MELAMBANGKAN.....
50 responses



Carta pai 4.13 : Kekerapan dan peratusan soalan 'pada pendapat anda, motif sulaman seperti bunga mawar melambangkan.....'

Berdasarkan carta pai 4.13, respon terhadap motif sulaman seperti bunga mawar melambangkan 'kelembutan, ketenangan klasik dan keindahan kepada dunia rekaan produk aksesori. Hal ini demikian kerana kutipan yang telah didapati oleh pengkaji dilihat seramai 26 orang bersamaan 52% responden telah bersetuju. Walaubagaimanapun, kutipan bagi yang mengatakan motif bunga mawar ini melambangkan kelembutan adalah seramai 16 orang bersamaan 32%, yang memilih jawapan 'klasik ' adalah seramai 7 orang bersamaan 14% dan 'keindahan' seorang sahaja dan 2%.

10. PADA PENDAPAT ANDA, APAKAH KELEBIHAN REKAAN SULAMAN BERMOTIFKAN BUNGA?
50 responses



Carta pai 4.14: Kekerapan dan peratusan soalan pada pendapat anda, apakah kelebihan rekaan sulaman bermotifkan bunga?.

Berdasarkan carta pai 4.14, hasil kajian yang telah dijalankan mendapati bahawa kelebihan rekaan sulaman bermotifkan bunga adalah sesuai untuk semua lapisan umur. Hal ini menunjukkan seramai 34 orang (68%) telah mengakui kelebihannya berbanding dengan respon 'tak lapuk dek zaman' hanya seramai 6 orang (12%) dan juga 'simple' dan juga yang menjawab semua jawapan diatas sebanyak 10% seramai 10 orang sahaja.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.4 PEMBANGUNAN IDEA

4.4.1 Subjek Kajian

Subjek kajian amat penting dan perlu menjadi rujukan dalam menyiapkan dan mencipta sesuatu rekaan baru untuk di transformasikan rekaan sulamam yang lama kepada yang baru. Subjek yang telah dipilih untuk menjadi satu olahan yang menarik adalah motif bunga mawar. Hal ini demikian kerana ingin mempamerkan motif atau corak yang berbeza kepada produk aksesori kini yang sebelumnya digayakan dengan motif abstrak, plain, flora dan fauna sahaja. Malah, bunga mawar ini juga sering dilihat pada barangan peralatan rumah, pakaian kanak-kanak, pakaian wanita dewasa dan sebagainya. Justeru itu, kombinasi dan inovasi daripada rekaan motif bunga mawar ini dapat menghasilkan sulaman pada produk aksesori ke arah inovasi yang baru dan mengikut permintaan masyarakat masa kini.

4.4.1 INSPIRASI



Rajah 4.4 ,Menunjukkan bunga mawar


4.4.2 Konsep Rekaan

Produk aksesori yang direka ini adalah kolaborasi dengan elemen-elemen bunga mawar untuk dihiasi dan dihasilkan pada produk aksesori. Sulaman yang direka ini adalah berkonsepkan dan terinspirasi daripada motif bunga mawar yang kurang mendapat perhatian daripada orang ramai. Jadi, dengan terinspirasinya daripada bunga mawar itu, pengkaji telah mencetuskan idea untuk mereka sulaman yang bermotifkan bunga mawar.

Sulaman yang direka ini adalah berkonsepkan produk aksesori yang moden dan kontemporari dengan pengayaan yang simple tetapi bergaya. Hal ini kerana sulaman yang direka pada produk aksesori pada totebag yang berbeza dari rekaan yang lain sebelum ini. Dengan rekaan seperti ini, ramai golongan wanita dapat menggayakannya dengan lebih elegan, casual dan menarik.

Malah, rekaan ini juga sesuai untuk digayakan ke majlis-majlis formal, makan malam serta ke pusat membeli-belah. Selain itu, sulaman ini juga adalah untuk golongan wanita yang berusia 18 hingga 55 tahun. Kesesuaian si pemakai juga penting kerana fabrik yang digunakan adalah material jenis cotton dengan tona warna yang sepadan dan kontra menampakkan pakaian ini lebih bergaya dan fesyen yang kontemporari.

4.4.3 Konsep Warna



Rajah 4.4.3 Warna Benang


Warna yang telah dipilih untuk rekaan sulaman pada totebag ini ialah berwarna pink pastel, ungu pastel, peach pastel dan hijau pastel. Warna ini merupakan warna yang sejuk dengan kesan cahaya yang rendah dan redup. Warna pastel ini juga memberi perasaan tenang dan damai menyejukkan mata memandangi kerana warna pastel merupakan warna yang tidak terlalu terang dan memukau bagi si pemakainya.

Selain itu, warna pastel ini juga sering dipanggil warna yang mengarah kearah warna muda dari warna cerah. Disebabkan itu juga, warna pink pastel, hijau pastel, ungu pastel, peach pastel selalu digunakan oleh masyarakat masa kini pakaian, barangan peralatan rumah dan sebagainya.

Malah di barat pula, mereka cenderung menghubungkan warna pastel ini dengan maksud estetik dan suci. Jadi, dengan warna pastel inilah pengkaji

menghasilkan rekaan sulaman dengan menggabungkan motif bunga mawar ke dalam rekaan sulaman pada produk aksesori totebag. Malah, menepati citarasa masyarakat masa kini untuk menggayakannya dan kelihatan simple tetapi bergaya.

4.4.4 Papan Mood (Moodboard)



Rajah 5 Moodboard

Papan mood (moodboard) ini adalah satu media, papan atau katalog yang menunjukkan sebuah gambar dan penjelasan idea yang akan pengkaji hasilkan dibuat bertujuan untuk menentukan tujuan dan panduan untuk memastikan kajian yang dijalankan mengikut tema berkaitan dengan kajian. Segala yang direka perlu mengikut aspek penyelidikan yang betul. Seterusnya, dalam papan mood ini juga perlu ada gambar tentang kajian motif, warna, gambar koleksi rekaan sulaman yang menjadi rujukan idea serta gambar rekaan hasil produk akhir. Akhir sekali, dengan adanya papan mood ini juga telah membantu pengkaji mendapatkan idea yang baru untuk menjalankan penyelidikan.

4.4.5 Pilihan Material Produk Aksesori



Rajah 6 Cotton

Bagi menyiapkan kajian ini, sudah semestinya fabrik sangat penting untuk dijadikan produk aksesori. Jadi, dengan undian dan sokongan daripada responden yang menjawab soal selidik ini juga telah memilih fabrik cotton untuk menghasilkan rekaan sulaman pada produk aksesori. Material cotton merupakan kain yang diperbuat daripada bahan kapas yang didapati dari pokok kapas sendiri. Kain cotton merupakan kain yang paling bagus di antara pelbagai jenis kain yang lain. Kain cotton ini juga merupakan fabrik yang diperbuat 100% cotton asli tanpa campuran bahan lain seperti polyster, viscose, vatin dan lain-lain.

Terdapat beberapa jenis kain cotton yang sangat popular. Antaranya ialah sattin cotton, cotton voile, Japanese cotton, English cotton, cotton linen dan sebagainya. Ciri-ciri kain cotton ini ialah tidak terlalu jarang dan tidak terlalu nipis. Hal ini sekaligus membantu si pemakai tampil dengan lebih yakin untuk menggayakan produk aksesori daripada cotton ini berbanding material produk aksesori jenis lain. Seterusnya, kain cotton ini lembut dan tidak kasar pada permukaannya dan ini memudahkan untuk disulam. Malah kain cotton tidak berkanji dan juga tidak mengecut selepas dicuci. Kainnya juga tidak berbulu selepas dibasuh berkali-kali, teksturnya yang lembut, sejuk dan ringan apabila

dipakai dengan harganya yang mampu milik menjadikan fabrik ini sangat popular di Malaysia.

Akhir sekali, fabrik ini semua memberikan keselesaan yang sangat baik. Penggunaan kain ini juga akan memberi pengudaraan yang baik kepada pemakai. Fabrik ini juga sesuai untuk semua peringkat umur dan mempunyai gred serta kualitinya yang tersendiri.



4.4.6 Proses Olahan Rekaan

4.4.6.1 pilihan 1



Rajah 7: Idea Olahan pilihan 1



Rajah 8: Idea olahan pilihan

4.4.6.2 pilihan



Rajah 9: Idea olahan pilihan 2



Rajah 10: Idea olahan pilihan 2

4.4.6.3 pilihan 3



Rajah 11: Idea olahan pilihan 3



Rajah 11: Idea olahan pilihan 3

4.4.6.3 pilihan 4



Rajah 12: Idea olahan pilihan 4



Rajah 12: Idea olahan pilihan 4

4.4.7 Lukisan Teknikal

Lukisan teknikal ini adalah untuk menentukan rupa bentuk rekaan sulaman pada produk aksesori totebag. Pengkaji membuat lukisan teknikal ini menggunakan aplikasi Adobe Illustrator. Melalui proses ini pengkaji telah melakar semula bentuk rekaan sulaman pada produk aksesori dengan pengayaan yang simple tetapi bergaya. Proses ini juga merupakan proses terakhir membuat lakaran selepas dilukis ke atas kertas lukisan. Hal ini kerana selepas membuat lukisan teknikal ini, pengkaji meneruskan proses membuat sulaman untuk menghasilkan produk akhir.

4.5 PROSES MENYULAM

Bagi menjalankan proses menyulam, pengkaji memulakan dulu dengan melukis rekaan sulaman yang diinginkan. Pengkaji telah pun memilih rekaan-rekaan yang telah mendapat undian ramai oleh responden. Jadi, selepas itu setiap rekaan sulaman haruslah dilukis dengan menggunakan pensil dan gegelung sulaman untuk menjadikan rekaan sulaman itu terletak dengan elok. Setiap rekaan sulaman yang direka mempunyai saiz yang berlainan. Setelah itu, rekaan sulaman yang ingin dibuat akan dilukis ke atas totebag.



Rajah 4.5.1 di atas menunjukkan gambaran pengkaji sedang mewarna design yang telah dilukis



Rajah 4.5.2 di atas menunjukkan warna benang yang digunakan oleh pengkaji untuk menyulam.



Rajah 4.5.3 diatas menunjukkan lakaran t yang dibuat keatas beg dan proses membuat sulaman.



Rajah 4.5.4 diatas menunjukkan pengkaji melakukan proses menyulam pada produk aksesori totebag.

4.6 REKAAN YANG DIPILIH DAN SEBENAR



Rajah 4.6 Rekaan yang dipilih oleh responden



Rekaan di rajah 4.6 merupakan koleksi pertama yang dihasilkan oleh pengkaji untuk dipasarkan. Rekaan ini diterapkan dengan motif bunga mawar yang mempunyai dedaun yang melingkar ke atas. Rekaan sulaman ini direka untuk digayakan oleh para golongan muda.



Rajah 4.7 Rekaan yang dipilih oleh responden



Rekaan pada rajah 4.7 menunjukkan koleksi rekaan sulaman kedua yang pengkaji hasilkan. Warna pastel yang ditonjolkan mampu membuatkan si pemakai tampil ranggi dan bergaya.



Rajah 4.8 Rekaan yang dipilih oleh responden



Rekaan pada rajah 4.7 menunjukkan koleksi rekaan sulaman ketiga yang pengkaji hasilkan. Warna pastel yang ditonjolkan mampu membuatkan si pemakai tampil ranggi dan bergaya.

BAB 5

5.1 PENGENALAN

Dalam bab 5 yang terakhir ini, pengkaji merumuskan secara ringkas tentang segala perbincangan dan dapatan kajian yang telah dilakukan dalam bab-bab sebelum ini. Bab ini turut membincangkan tentang hasil daripada terciptanya cadangan produk akhir. Seterusnya yang terakhir, pengkaji juga mengemukakan beberapa sumbangan dan cadangan yang wajar diutarakan sebagai refleksi kepada keseluruhan kajian dan dapat meningkatkan serta memberikan penambahbaikan kepada industri produk aksesori wanita di negara Malaysia.

5.2 RUMUSAN KAJIAN

Hasil daripada analisis kajian mendapati majoriti daripada responden adalah terdiri daripada golongan wanita yang beragama Islam dan kebanyakan daripada responden ini adalah terdiri daripada golongan pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam iaitu dalam lingkungan berumur 18 hingga 25 tahun. Dalam kajian ini, dapatan kajian mendapati kelebihan rekaan produk aksesori wanita yang bercorak flora berbanding dengan rekaan sulaman motif abstrak adalah kerana mereka berasa sesuai dan menarik. Keadaan ini jelas dinyatakan bahawa majoriti responden wanita menyatakan bahawa kelebihan rekaan sulaman pada produk aksesori wanita yang bermotifkan flora ini adalah gayaannya yang 'simple' malah sesuai untuk semua lapisan masyarakat di luar untuk menggayakannya.

Daripada hasil dapatan soal selidik yang diedarkan oleh pengkaji berkenaan dengan cara untuk menarik perhatian masyarakat tentang rekaan motif-motif pada produk aksesori wanita masa kini. Menurut responden iaitu daripada golongan wanita yang menjaga penampilan mereka menggemari dengan kepelbagaian motif-motif yang menggunakan pelbagai teknik untuk menghasilkan rekaan sulaman yang terbaru pada produk aksesori mereka. Hal ini kerana, bagi mereka rekaan sulaman yang menggunakan teknik yang lama telah dipasarkan pada produk pakaian ketika ini membosankan dan tidak menarik. Oleh itu, motif alam semulajadi seperti bunga mawar ini telah dihasilkan dengan menggunakan teknik woven wheel stitch dan merupakan satu kelainan yang baru telah bervariasi dunia produk aksesori fesyen wanita untuk diperkembangkan dengan lebih meluas dan disukai ramai. Malah, bagi responden, mereka sangat suka dan menggemari dengan kepelbagaian teknik sulaman yang digunakan untuk menghasilkan sulaman bermotif pada produk aksesori mereka dengan rekaan sulaman yang terbaru dan berbeza dari fesyen dan corak yang lain sebelum ini.

Hal ini jelas dinyatakan oleh responden bahawa motif bunga mawar mempunyai pelbagai elemen dan rekaan bentuk yang menarik. Bagi mereka, motif bunga mawar merupakan salah satu motif yang boleh digayakan dalam koleksi mereka yang terbaru. Seterusnya, keupayaan untuk menaikan produk aksesori fesyen wanita dengan rekaan motif bunga mawar ini memberi aura dan kelainan baru untuk produk aksesori dalam dunia fesyen. Motif bunga mawar ini jelas terbukti bahawa ia sesuai untuk digayakan kepada semua

peringkat umur. Malah ia telah diterima baik dan mendapat respon yang positif dari pihak responden.

Sementara itu, hasil daripada analisis soal selidik dan pemerhatian yang dibuat terhadap pengaplikasian motif bunga mawar dengan menggunakan teknik sulaman woven wheel stitch kini tidak kontemporari dan tidak menepati citarasa masyarakat telah mendapat respon daripada 54 orang responden. Menurut responden wanita di luar adalah untuk kelihatan stailo dan simple terhadap pengayaan produk aksesori wanita dalam berfesyen yang mereka gemari. Dengan saiz bajunya yang ketat dan menampakkan bentuk tubuh badan menunjukkan seorang wanita Islam tidak menutup aurat dengan sempurna. Namun, majoriti responden meminati fesyen Muslimah mengikut negara luar yang mempunyai potongan baju yang berbeza serta fesyen dan warna yang digunakan agak keterlaluan. Namun, fesyen Muslimah di Malaysia menghasilkan pakaian yang tidak memberi keceriaan dan keharmonian kepada wanita yang beragama Islam. Oleh itu, segala permasalahan ini dapat diselesaikan dengan jayanya dan telah diterima baik oleh ramai wanita Muslimah di Malaysia.

5.3 PERBINCANGAN PRODUK AKHIR KAJIAN

Sepanjang analisis sendiri oleh pengkaji adalah menunjukkan penghasilan cadangan rekaan sulaman pada produk aksesori wanita dengan dihiasi motif bunga mawar sangat diterima baik dan mendapat respon yang amat positif malah mempunyai cabaran yang berbeza.

Hasil menyiapkan produk akhir ini terhasil dalam tempoh beberapa minggu. Hal ini terdiri daripada pelbagai aspek iaitu proses mengkaji selidik, mengumpul maklumat daripada soal selidik yang dibuat untuk responden serta proses menghasilkan rekaan sulaman. Sebelum menghasilkan sulaman untuk dijadikan produk akhir, pengkaji telah bertungkus lumus menyiapkan berpuluh-puluh rekaan yang berlainan bentuk sulaman untuk dihasilkan produk akhir. Proses ini juga mengambil masa yang lama untuk dinilai oleh penyelia (SV) terlebih dahulu sebelum menjalankan soal selidik untuk dikemukakan oleh responden.

Namun demikian, semasa proses ini dijalankan untuk memperoleh dapatan data, pengkaji telah melalui proses yang menunjukkan tindakan positif daripada beberapa aspek. Hal ini turut tidak mengecewakan pengkaji malah membantu pengkaji dengan memperoleh keputusan yang baik untuk terus melaksanakan tugas ini. Antara aspek-aspek yang mendorong pengkaji ialah:-

5.3.1 Respon Daripada Penyelia

Sepanjang proses kajian produk akhir ini dijalankan, pengkaji telah merujuk dengan penyelia (SV) iaitu DR Norhasliyana Hazlin binti Zainal Amri. Hasil daripada bantuan beliau, kajian ini berjaya disempurnakan dengan jayanya dan mendapat respon yang baik oleh beliau. Segala tunjuk ajar dan nasihat yang diberikan amat dihargai dan memberi dorongan yang amat baik kepada diri pengkaji. Banyak masalah telah berjaya diselesaikan dengan sempurna. Malah, SV juga telah meluangkan banyak masa kepada pengkaji untuk

memeriksa segala kajian yang dilakukan ini agar memperolehi keputusan yang baik.

5.3.2 Responden

Begitu juga dengan tindakan dan respon daripada responden yang telah menjawab soal selidik daripada pengkaji. Seramai 54 orang responden ini adalah termasuk daripada rakan-rakan yang telah berjaya dikumpul dan menjawab hampir 10 soalan dalam soal selidik ini. Respon dari responden amat penting bagi pengkaji menjalankan kajian produk akhir ini untuk menilai pendapat responden terhadap penghasilan motif bunga mawar pada produk aksesori wanita. Jadi, hasil daripada soal selidik yang diberikan itu telah memberi respon yang amat positif dan membantu pengkaji menyiapkan tugas ini dengan mudah.

5.3.3 Diri Pengkaji

Impak positif ini juga dilihat dalam diri pengkaji juga. Hal ini kerana pada awalnya proses kajian motif bunga mawar ini dijalankan, pengkaji telah mendapat ilmu berkaitan jenis-jenis bentuk dari segi elemen-elemen motif bunga mawar di muka bumi ini. Banyak kajian yang telah dijalankan untuk memenuhi dan menjawab segala permasalahan yang dihadapi dalam proses menyiapkan produk akhir ini. Selain itu, segala rekaan sulaman pada produk aksesori wanita yang dihasilkan turut memberi sumbangan ilmu yang baru dan berjaya menghasilkannya.

5.4 CABARAN

Dalam kajian ini, pengkaji mendapati bahawa pada awal-awal proses menyiapkan kajian ini diakui memang amat sukar. Segala maklumat haruslah diselesaikan dengan sendiri dan diusahakan untuk mendapatkan segala maklumat yang sahih dan betul dalam buku, artikel dan sebagainya. Malah, pengkaji juga berhadapan dengan cabaran untuk menggunakan perisian Adobe Illustrator. Penggunaan aplikasi ini adalah untuk pengkaji mengedit rekaan sulaman pada produk aksesori yang direka agar menjadi satu rekaan sulaman yang siap pada produk aksesori.

Oleh itu, pembahagian masa amat penting dan harus menguruskannya dengan bijak. Hal ini kerana, pengkaji perlu menyiapkan dua perkara iaitu laporan produk akhir dan juga pembangunan produk akhir mengikut masa yang telah ditetapkan. Selain itu, semasa proses membuat produk akhir iaitu proses menyiapkansulaman pada produk aksesori totebag terdapat banyak cabaran untuk merealisasikannya. Hal ini termasuk untuk mencari pemilihan material untuk produk dan warna yang sesuai untuk digunakan, proses menyulam serta perlu mempunyai kewangan yang secukupnya.

Jadi, dengan segala cabaran dan masalah yang dihadapi ini pengkaji telah berjaya membuktikan segala hasil kerja yang dilakukan telah pun siap. Dengan semangat yang tinggi, pengkaji berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk siapkan segala tugas yang diberikan dengan baik atas dorongan dan berkat usaha diri sendiri tanpa berputus asa.

5.5. SUMBANGAN KAJIAN

Kajian ini telah memberi sumbangan dari segi pelbagai sudut untuk melengkapkan kajian oleh pengkaji. Sumbangan yang diperolehi adalah sulaman pada produk aksesori wanita yang direka dan telah mengaplikasikan motif bunga mawar ini diterima ramai wanita di Malaysia. Hasil kajian ini membuktikan bahawa penerimaan daripada ramai wanita sangat positif dan telah memberi sumbangan yang amat baik kepada pengkaji. Bagi mereka hasil daripada pereka produk aksesori fesyen di Malaysia masih lagi relevan dengan mempelbagaikan lagi rekaan yang menggunakan motif bunga mawar seperti ini. Hal ini membuktikan bahawa pengkaji mengaplikasikan motif bunga mawar ke atas rekaan sulaman pada produk aksesori wanita menggunakan teknik sulaman woven wheel stitch adalah satu idea yang menarik bagi produk aksesori wanita pada masa kini. Malah, ia juga menyumbangkan idea untuk penghasilan produk aksesori fesyen yang menarik bagi wanita menggayakan rekaan sulaman yang lebih moden dan kontemporari seperti ini. Malah, mereka juga sangat teruja dan tertarik dengan rekaan yang terbaru seperti ini untuk dipasarkan.

5.6 CADANGAN UNTUK KAJIAN LANJUTAN PENYELESAIAN MASALAH

Dalam hasil kajian ini, pengkaji amat menitikberatkan tentang kesesuaian rekaan sulaman pada produk aksesori untuk wanita dengan motif-motif flora yang sesuai. Hal ini adalah untuk menarik minat pelanggan dan keupayaan menghasilkan yang terbaik. Segala hasil rekaan akan dinilai dan dipasarkan ke luar untuk memenuhi cita rasa pelanggan semua. Selain itu, pengalaman dan respon dari orang ramai tentang rekaan sulaman yang direka ini dapat membantu beberapa cadangan kajian lain yang boleh dijalankan pada masa akan datang nanti. Hal ini kerana ia dapat memberi suntikan baharu dan kajian baru untuk orang lain yang ingin mengkaji berkenaan dengan motif-motif sebegini. Hal ini jelas bahawa motif bunga mawar ini merupakan motif menarik serta penggunaan warna-warna yang menjadi kegemaran golongan wanita masa kini dapat memberi aura keanggunan untuk dimasukkan ke atas rekaan sulaman pada produk aksesori wanita. Jadi, dengan usaha ini pengkaji juga percaya dengan produk aksesori dalam dunia fesyen di negara Malaysia akan memartabatkan cadangan dan rekaan yang baru seperti ini untuk dipelbagaikan lagi usaha penggunaan motif bunga mawar kepada rekaan lain juga.

5.7 KESIMPULAN

Kesimpulannya, pengkaji telah berjaya menghasilkan beberapa buah produk aksesori wanita yang diaplikasikan motif bunga mawar ke dalam rekaan sulaman pada produk aksesori tersebut. Hal ini adalah untuk membuat penambahbaikan kepada produk aksesori fesyen wanita yang sebelum ini hanyalah sesetengah sahaja yang menyukai rekaan tersebut dan penggunaan warna yang kurang menepati citarasa pengguna. Namun kini, pengkaji menerapkan motif keindahan alam semulajadi dan penggunaan warna yang semakin mendapat tempat di hati golongan wanita agar memberi satu inspirasi dan variasi yang baru dalam dunia fesyen mengikut peredaran masa kini. Rekaan- rekaan yang dihasilkan ini adalah untuk meningkatkan keyakinan seseorang individu dalam menggayakan produk aksesori yang mempunyai motif bunga mawar dan penggunaan fabrik juga turut dititik beratkan. Hal ini kerana, pengkaji memilih untuk menggunakan fabrik seperti cotton untuk dibuat rekaan sulam keatasnya. Kesesuaian warna yang juga perlu diambil kira bagi menepati olahan motif bunga mawar dan inspirasi daripada keindahan alam semulajadi.. Oleh itu, secara keseluruhannya kajian ini telah diterima baik dan mendapat respon yang sangat positif dan memberi semangat yang tinggi kepada hasil rekaan ini.

RUJUKAN

Abdul Malik, Tenas Effendy, Hasan Yusus Dan Auzar Thaher.(2004),Corak Dan Ragi Tenun Riau. Balai Kajian Dan Yokjakarta: Perkembangan Melayu Dan Penerbit Adicita.

Adline Abdul Ghanie.(2013) *Tradition & Continuity:Vowen And Decorated Textiles*

Ahmad Zaidi, Mohamad Faizal (2007) Persepsi terhadap teknologi baru dan kedudukan nilai estetika dalam kraftangan: Kajian kes pusat kraftangan negeri Kedah melalui skim inkubator. Project Report. Universiti Utara Malaysia.

Azah Aziz (2009), Rupa Dan Gaya:Busana Melayu. Bangi:Penerbit University Kebangsaan Malaysia.

Beverly Gordon (Spinning wheel, Sampler and the Modern Priscilla: The images and Paradox of Colonial Revival Work.

Bunga mawar (2020),bunga mawar,
<https://sinarplus.sinarharian.com.my/fyi/eh-apa-tu/khasiat-tersembunyi-bunga-mawar-yang-boleh-diamalkan/>

D Nurmala (2015) .*Studi Tentang Sulaman Indah Naras Pada Baju Pengantin Di Kota Pariaman: Motif, Penempatan, Dan Makna.*

D Wood (2000) Embroidery (Step-by-step Stitch and Techniques for hand and machine stitching).

Era Paraswati, NIM.(2015) *Kebaya Dengan Teknik Sulam Usus.* Masters thesis, Institut Seni Indonesia Yogyakarta.

Lin. G & Jooyoung. S (2013).*The Innovative Application of Surface Texture in Fashion and Textile Design.* Diakses dari:
<https://pdfs.semantic.scholar.org>

Lilo Siegel (2021). *Sulaman Riben Sulaman 2021 Dalam Fesyen Kasual.* Diakses dari: <https://ms.todomeia/working-ribbon-stitch>

Mohamad Razami. H (2020). *Motif Alam Flora Dalam Seni Ukiran Logam Halus*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Diakses dari: <https://journalarticle.umk.my>

Md Izran (2011), *Pengharapan Dikalangan Pelajar Kursus Akademik Dan Kemahiran Kraf Selepas Menamatkan Pengajian Di Institut Kraf Negara (Ikn), UTM*.

Nurita Juslin (2009). Masalah atau Cabaran Sulaman Tangan. Folio Jahitan Sulaman(59). Diakses dari: www.scribd.com/m2unz/fmk/basic

P Brown (2003) *The Encyclopedia of Embroidery Techniques*.

P Earnshaw (1988) – *Needle-made-laces : Materials, Design, Techniques*.

Rosilawati wahid (2019). Teknik Sulaman Tampal. Diakses dari:

<https://rosilawatiwahid.blogspot.com/2019/10/sulam-tampal-applique-di-atas-minky.html>

Rohana Saadan (2019). Pakar sulaman tampal. Diakses dari <https://metro.com.my/node446707/amp>

Sarina. *Beginner's Guide to Ribbon Embroidery*. 9 Most Commonly Used Stiches. Diakses dari: <https://sewguide.com/ribbon-embroidery/>

Siti Zainon Ismail (1990), *Tekstil Melayu: Sejarah Fungsi, Simbol Dan Keindahan*. Persatuan Sejarah Malaysia.

Siti Zainon Ismail (1997), *Tekstil Tenunan Melayu; Keindahan Budaya Tradisi Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Yusof, Saemah Dan Mahamood, Muliyadi (2015), *Seni Sulaman Tekat Tradisional Dalam Tekstil Melayu*.